



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# PIAGAM LIABILITI KORPORAT



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015  
CERT. NO. : QMS 03195

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/04/2020-08



# LIABILITI KORPORAT

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) telah dipinda oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 (Akta A1567) pada tahun 2018 untuk memperkenalkan Liabiliti Korporat bagi kesalahan rasuah oleh organisasi komersial. Seksyen 17A ini akan mula berkuatkuasa pada **1 Jun 2020**.

## Individu yang boleh disabitkan :-

- Pengarah;
- Pengawal;
- Pegawai;
- Pekongsi; Atau
- Yang Terlibat Dengan Pengurusan Hal Ehwalnya.

## Hukuman sekiranya disabitkan ;

- Denda tidak kurang daripada **10 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM1 juta ringgit**, mengikut mana-mana yang lebih tinggi; atau
- Penjara bagi tempoh tidak melebihi **20 tahun**; atau
- **Kedua-duanya** sekali.

INTIPATI AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
(PINDAAN) 2018

Organisasi komersial **melakukan kesalahan** jika **seseorang yang bersekutu dengannya** melakukan perbuatan rasuah untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah bagi organisasi komersial itu.

Bagi mengurangkan risiko, KSSB telah mewujudkan **Rangka Kerja Pematuhan dan Tadbir Urus ("Framework")** sebagai inisiatif Integriti Korporat bertujuan untuk mengurangkan risiko Liabiliti Korporat seperti berikut :

- **T Komitmen Pengurusan Atasan**  
*"Top Level Commitment"*
- **R Analisa Risiko**  
*"Risk Assessment"*
- **U Pelaksanaan Langkah Kawalan**  
*"Undertake Control Measures"*
- **S Pemantauan, Penilaian dan Penguatkuasaan Secara Sistematik**  
*"Systematic Review, Monitoring and Enforcement"*
- **T Latihan dan Komunikasi**  
*"Training and Communication"*

Kakitangan KSSB adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengamalkan pematuhan sepenuhnya kepada Framework Anti Korupsi KSSB.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Perundungan KSSB di [legal@semesta.com.my](mailto:legal@semesta.com.my).




KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/04/2020-09



# INTIPATI SEKSYEN 17A AKTA SPRM (PINDAAN) 2018





KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/04/2020-10



# LIABILITI KORPORAT

Rangka Kerja Pematuhan dan Tadbir Urus ("Framewok") yang diwujudkan adalah berdasarkan 5 prinsip utama ("T.R.U.S.T.") seperti berikut :-



[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/04/2020-11



# LIABILITI KORPORAT

## Komitmen Pengurusan Atasan

*"Top Level Commitment"*



### DOKUMEN / AKTIVITI

#### 1. Terma Rujukan (*"Term of Reference"*) ("TOR")

- i. Lembaga Pengarah ("BOD") (*"Board of Director"*) ;
- ii. Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Integriti ("BGI") (*"Board of Governance and Integrity"*) ;
- iii. Jawatankuasa Lembaga Kewangan ("BFC") (*"Board of Finance Committee"*) ; dan
- iv. Jawatankuasa Lembaga Tender ("BTC") (*"Board of Tender Committee"*) .

#### 2. Visi, Misi dan Nilai Bersama Syarikat

JABATAN  
FIN / LG

FIN

#### 3. Had Kuasa Syarikat (*"Limit of Authority"*) ("LOA")

FIN

#### 4. Polisi Kualiti

QSHE

#### 5. Polisi Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran

QSHE

#### 6. Polisi Tiada Hadiah (*"No Gift Policy"*)

HRA

#### 7. Kod Tatalaku Syarikat dengan Ikrar oleh Setiap Kakitangan

HRA

#### 8. Terma Pekhidmatan Kakitangan

HRA

#### 9. Piagam Jabatan Tadbir Urus dan Integriti

MD/CEO

#### 10. Prosedur Tanggungjawab Sosial Korporat

CC

#### 11. Prosedur Hadiah dan Keraian

CC

#### 12. Prosedur "Whistleblower"

HRA

#### 13. ISO9001:2015 (SOP ISO & NON-ISO)

QSHE

#### 14. Pengurusan Risiko (*"Risk Management"*)

MD/CEO

#### 15. Akujanji oleh Rakan Perniagaan

CP

#### 16. Klausu Anti Korupsi pada Setiap Perjanjian

CP



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-12



# LIABILITI KORPORAT

## Analisa Risiko

*"Risk Assessment"*

Risiko adalah suatu perkara atau peristiwa yang boleh menghalang organisasi mencapai objektif yang disasarkan.

Daftar risiko KSSB setakat pada 31 Januari 2020 adalah seperti berikut :-

PEMILIK RISIKO (Jabatan / Unit)	KELAS RISIKO				PERINGKAT RISIKO				
	STRATEGIK	OPERASI	KORUPSI	JUMLAH	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI	EKSTREM	JUMLAH
1. RM	9	3	1	13	4	6	3	-	13
2. TL	-	8	3	11	2	8	1	-	11
3. CP	4	-	7	11	5	6	-	-	11
4. OP	-	6	6	12	7	4	-	1	12
5. QSHE	-	2	1	3	-	2	1	-	3
6. EKSPORT	13	14	1	28	11	17	-	-	28
7. FIN	-	10	3	13	12	1	-	-	13
8. LG	-	4	-	4	2	2	-	-	4
9. IT	2	8	-	10	5	4	1	-	10
10. HRA	-	15	2	17	13	4	-	-	17
11. CC	-	-	1	1	1	-	-	-	1
12. GI	-	3	-	3	2	1	-	-	3
Bilangan	28	73	25	126	64	55	6	1	126
Peratusan	22%	58%	20%		51%	44%	5%	1%	

Rust

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-13



trust

# LIABILITI KORPORAT

Perlaksanaan Langkah Kawalan  
"Undertake Control Measures"





KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-14



# LIABILITI KORPORAT

Pemantauan, Penilaian dan Penguatkuasaan Secara Sistematik  
“Systematic Review, Monitoring and Enforcement”

tru st

KSSB

LEMBAGA PENGARAH / JAWATANKUASA TADBIR URUS DAN INTEGRITI

LUARAN

DALAMAN

1. Pihak Berkuasa Negeri
  - Pejabat Tanah Galian Selangor
  - Pentadbir Tanah dan Daerah
  - Jabatan Teknikal
  - Pihak Berkuasa Tempatan
  - Jabatan Keselamatan dan Kesihatan
  - Pekerjaan
2. MBI
  - Jabatan Audit
  - Jabatan Integriti dan Governan
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
4. Jabatan Audit Negara Malaysia
5. Juruaudit Akaun dan Kewangan
6. ISO Audit (ISO9001:2015)

&

1. ISO Audit (ISO9001:2015)
2. Jabatan Perhubungan Teknikal
3. Jabatan Kualiti, Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran
4. Jabatan Tadbir Urus dan Integriti
5. 5S Audit



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-15



# LIABILITI KORPORAT

## Latihan dan Komunikasi

*"Training and Communication"*



Ikrar kakitangan

HRA



Ikrar rakan perniagaan

CP



Latihan rasmi

HRA/QSHE/HOD



Sesi perhimpunan

HRA/CP



Emel, buletin dan poster

CC/HRA/QSHE



Laman sesawang Syarikat

CC/HRA/QSHE



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-16



# LIABILITI KORPORAT

## VISI

MENJADI PENERAJU UTAMA  
DALAM PEMBANGUNAN  
SUMBER ASLI MINERAL

## MISI

KOMITED MENGURUSKAN SUMBER ASLI MINERAL SECARA  
PROFESIONAL DENGAN MEMBERI PENEKANAN KEPADA :

TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK  
KECEMERLANGAN OPERASI  
PERTUMBUHAN EKONOMI  
PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
KEPENTINGAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-17



# LIABILITI KORPORAT

## NILAI BERSAMA

### BERINTEGRITI

**Kejujuran** dalam apa yang kami katakan, lakukan dan fikirkan (etika yang tinggi).

### MESRA PELANGGAN

Kami sentiasa memberi tumpuan kepada pelanggan dalam semua bidang perniagaan kami dan meletakkan **kepuasan pelanggan** sebagai teras utama.

### KECEMERLANGAN OPERASI

Kami secara berterusan melaksanakan penambahbaikan dan **berfikiran ke hadapan** dalam setiap perancangan dan pelaksanaan untuk mengembangkan perniagaan kami.

### BERSATU

Kami menempuh kejayaan **bersama**.

### KEPENTINGAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN

Kami menyingkirkan tingkah laku yang berisiko dan memastikan tiada kecederaan. Kami **bertanggungjawab** dalam menggunakan sumber semula jadi secara bijak dan menjadi contoh kepada semua.



KSSB/CC/05/2020-18



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## POLISI KUALITI

Visi KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. ("KSSB") adalah menjadi peneraju utama dalam pembangunan sumber asli mineral.

Kami komited untuk terus menyediakan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan jangkaan pelanggan, pihak berkepentingan seperti pemegang saham, rakan niaga, pekerja, masyarakat, perundangan dan lain-lain. Kami juga komited terhadap penambahbaikan berterusan kepada Sistem Pengurusan Kualiti ("SPK").

Bagi merealisasikan ini, KSSB menerima pakai 5 nilai bersama :-

- Berintegriti
- Mesra pelanggan
- Kecemerlangan operasi
- Bersatu
- Kepentingan keselamatan, kesihatan dan persekitaran

ABDUL RAHMAN BIN ISHAK  
PENGARAH URUSAN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
15 FEBRUARI 2018

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KSSB/CC/05/2020-19



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## POLISI KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN

KUMPULAN SEMESTA SDN BHD ("KSSB") komited terhadap Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran ("KKP") dan akan mengambil langkah-langkah yang praktikal bagi mengelakkan kemalangan dan mencegah penyakit pekerjaan. KSSB juga komited mengambil langkah-langkah proaktif ke arah perlindungan alam sekitar.

KSSB akan :

1. Mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dengan KKP di mana-mana tempat kami beroperasi.
2. Mewujudkan Sistem Pengurusan KKP bagi memastikan peningkatan yang berterusan dalam pengurusan dan prestasi KKP.
3. Menguruskan risiko KKP yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan menyediakan langkah-langkah kawalan untuk menghindarkan atau mengurangkan risiko pada tahap minima yang munasabah dan praktikal.
4. Mewujudkan dan melaksana sistem tindakan yang berkesan untuk mengurangkan kesan buruk dan gangguan terhadap perniagaan akibat dari sebarang kecemasan.
5. Menyediakan sumber yang diperlukan dan latihan berterusan untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat bagi menepati objektif dan sasaran peningkatan KKP.
6. Melibatkan diri dengan pihak berkepentingan serta menyampaikan maklumat berkaitan KKP dengan masyarakat setempat, dimana jua kami beroperasi, bagi mewujud dan mengekalkan pemahaman tentang matlamat serta keperluan KKP.

Semua kakitangan dan kontraktor perlu mematuhi dasar ini sepenuhnya ke arah mencapai budaya KKP yang positif.

ABDUL RAHMAN BIN ISHAK  
PENGARAH URUSAN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
1 JANUARI 2016

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KSSB/CC/05/2020-20



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## POLISI TIADA HADIAH

BERINTEGRITI adalah antara Nilai Bersama yang diutamakan oleh KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. ("KSSB") dalam amalan perniagaannya.

Selaras dengan amalan ini,

- Kakitangan KSSB TIDAK MENERIMA ATAU MEMBERI HADIAH PERIBADI daripada atau kepada pihak luar dengan kepentingan perniagaan atau dalam menjalankan tugas rasmi dengan KSSB.
- Pelanggan, Operator, Kontraktor dan/atau Rakan Perniagaan KSSB TIDAK DIBENARKAN MENAWARKAN ATAU MEMBERI sebarang HADIAH PERIBADI kepada kakitangan KSSB.
- Sebarang PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN HADIAH PERIBADI kepada atau daripada pihak luar adalah merupakan satu bentuk pelanggaran kepada Polisi ini dan juga Kod Tatalaku KSSB dan kakitangan terlibat akan tertakluk kepada prosiding tatatertib Syarikat.

Kakitangan KSSB hendaklah tidak terlibat dalam tindakan peribadi yang mungkin memberi kesan kepada kepentingan KSSB.

Ini adalah berdasarkan Kod Tatalaku KSSB dan peraturan sedia ada untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan atau persepsi negatif yang melibatkan mana-mana pihak dalam sebarang transaksi perniagaan antara KSSB dengan pihak luar.

ABDUL RAHMAN BIN ISHAK  
PENGARAH URUSAN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
3 APRIL 2020

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KSSB/CC/05/2020-21




KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

PULANGAN KEPADA “STAKEHOLDERS” (RM554.9 JUTA)  
PADA 31 JANUARI 2020





KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## SOP HADIAH DAN KERAIAN

### HADIAH



Buku

Cabutan  
Bertuah

Pen

Hadiah  
Kejohanan

Hamper

Tanda  
Penghargaan

Kalendar



Baucer



Wang

### KERAIAN



Penginapan



Dobi



Makanan

Tiket  
Penerangan

Logistik



Saguhati

Adalah menjadi amanah dan tanggungjawab kita semua untuk melaporkan dan menyerahkan kepada Ketua Jabatan GI melalui borang **GHRF-002**; jika menerima apa-apa bentuk hadiah daripada pihak luar (termasuklah kontraktor, operator, rakan perniagaan dan lain-lain) di mana-mana lokasi (termasuklah ibu pejabat, pejabat cawangan, tapak operasi, rumah dan sebagainya).

Keraian hanya berlaku bilamana mendapat kebenaran daripada pihak yang berkuasa meluluskan mengikut terma-terma ketetapan dengan penyediaan Kertas Pengurusan ("MP").

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Ketua Jabatan atau Unit Hal Ehwal Korporat (CC).



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## SOP PEMBERI MAKLUMAT (“WHISTLEBLOWER”)

Pemberi Maklumat (*Whistleblower*) adalah pengadu yang merupakan kakitangan, rakan niaga atau mana-mana individu yang bertindak melaporkan kepada pihak yang berbidangkuasa di dalam sesebuah syarikat mengenai apa-apa salahlaku atau kesalahan jenayah (“Kelakuan Tidak Wajar”) berlawanan dengan mana-mana peraturan dan undang-undang bertulis, yang telah berlaku atau yang mungkin berlaku di dalam sesebuah syarikat.

### Saluran Pelaporan

Pendedahan atau laporan (“Pendedahan”) Kelakuan Tidak Wajar yang sahih beserta dokumen sokongan sebagai bukti boleh disalurkan melalui :-

E-mel kepada [integriti@semesta.com.my](mailto:integriti@semesta.com.my); dan

Menulis kepada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas merangkap Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Integriti.

### Pendedahan Identiti Pemberi Maklumat

Bagi memastikan syarikat dapat memberikan perlindungan sewajarnya kepada Pemberi Maklumat dan untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada Pendedahan tersebut, Pemberi Maklumat perlulah mengemukakan maklumat peribadinya dengan benar dan tepat seperti yang berikut :-

- i. Nama;
- ii. No Kad Pengenalan;
- iii. Maklumat hubungan (telefon/e-mail/dll).

Kesemua maklumat peribadi yang diberikan adalah sulit dan terpelihara.

### Skop Pelaporan

Sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang boleh dilaporkan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada kelakuan seperti yang berikut :-

- Penipuan;
- Rasuah;
- Penyalahgunaan kuasa;
- Penglibatan dalam konflik kepentingan;
- Pemalsuan/pengubahan dokumen Syarikat;
- Penyalahgunaan harta Syarikat; dan
- Penderaan seksual dan/atau fizikal melibatkan kakitangan.

Hanya Kelakuan Tidak Wajar yang sahih beserta dokumen sokongan sebagai bukti sahaja yang diterima untuk pendedahan. Pemberi Maklumat adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pendedahan itu dibuat dengan niat baik dan bebas dari niat jahat. Di samping itu, sebarang pendedahan tanpa disertakan dokumen sokongan sebagai bukti, tidak berasas dan/atau sengaja direka-reka tidak akan dilayan.

Sekiranya siasatan kemudian menunjukkan bahawa pendedahan itu dibuat dengan niat jahat, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap Pemberi Maklumat. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Pemberi Maklumat adalah kakitangan KSSB.

Pemberi Maklumat yang ingin menarik balik pendedahannya diminta untuk menulis kepada Saluran Pelaporan yang relevan dan memberikan alasan penarikan diri. Walau bagaimanapun, Syarikat berhak untuk meneruskan siasatan berkaitan pendedahan tersebut.

### Isi Kandungan Pendedahan

Apa-apa pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dibuat hendaklah mengandungi maklumat berikut :-

- Maklumat berkenaan individu terlibat;
- Butiran lengkap mengenai dakwaan tersebut;
- Waktu dan tarikh kejadian;
- Lain-lain butiran yang berkaitan; atau
- Bukti sokongan.

### Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat

Pemberi Maklumat akan diberikan perlindungan dengan syarat bahawa pendedahan itu dibuat dengan niat baik.

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat boleh dibatalkan dalam keadaan berikut, antara lain :-

- Pemberi Maklumat turut terlibat dalam Kelakuan Tidak Wajar yang didedahkan itu;
- Pemberi Maklumat dengan sengaja mengungkapkan pendedahan yang palsu (kenyataan dan/atau dokumen);
- Membuat pendedahan dengan niat jahat; atau
- Membuat pendedahan tanpa disertakan dokumen sokongan sebagai bukti, tidak berasas dan/atau mereka-reka.

### Pemakluman Mengenai Keputusan Pendedahan

Pemberi Maklumat akan dimaklumkan mengenai keputusan pendedahan yang telah dibuat.



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-24



# LIABILITI KORPORAT

## SENARAI SOP PADA 28 FEBRUARI 2020

JABATAN/UNIT	ISO9001:2015	NON ISO	JUMLAH
1. QSHE	4	3	7
2. RM	4	2	6
3. TL	10	4	14
4. CP	6	-	6
5. OP	1	4	5
6. FIN	4	2	6
7. IT	-	1	1
8. LG	1	1	2
9. HRA	2	2	4
10. GI	1	1	2
11. CC	-	2	2
<b>JUMLAH</b>	<b>33</b>	<b>22</b>	<b>55</b>



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-25



# LIABILITI KORPORAT

## AHLI LEMBAGA PENGARAH (BOD)



**YBhg. Dato' Sri Haji Ahmad bin Omar**



**YB Dato' Nor Azmie bin Diron**  
(Pengerusi)



**YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman**



**Cheong Seng Gee**



**Soffan Affendi bin Aminudin**



**Abdul Rahman bin Ishak**



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-26



# LIABILITI KORPORAT

## JAWATANKUASA LEMBAGA KEWANGAN (“BFC”)



**YBhg. Dato' Sri Haji Ahmad bin Omar**



**Cheong Seng Gee**



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-27



# LIABILITI KORPORAT

## JAWATANKUASA LEMBAGA TADBIR URUS DAN INTEGRITI (“BGI”)



**YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman**



**Cheong Seng Gee**



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-28



# LIABILITI KORPORAT

## JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER (“BTC”)



**YB Dato' Nor Azmie bin Diron**



**Cheong Seng Gee**



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-29



# LIABILITI KORPORAT

## PENGURUSAN ATASAN / KANAN (cum SHEC & RMWC)



**Jafrikhairi Bin Mhd Idris**  
OP



**Mohamed Fariz Bin Ghazali**  
CFO



**Abdul Rahman Bin Ishak**  
MD/CEO



**Dazrin Bin Mohd Darbi**  
CLO



**Mohamad Hisham Bin Mohamad Ghaus**  
CP



**Mohd Nizam Bin Mohd Ishak**  
RM



**Mohamad Fadzil Bin Yahya**  
QSHE



**Muhammad Faiz Bin Zainuddin**  
TL



**Ahmad Hakimi Bin Abd Hamid**  
HRA



**Abd Wahab bin Nordin**  
CEOO

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-30



# LIABILITI KORPORAT

## JAWATANKUASA PERANCANGAN SUMBER MANUSIA (“HRPC”)



**Mohamed Fariz Bin Ghazali**  
CFO



**Abdul Rahman bin Ishak**  
MD/CEO



**Dazrin Bin Mohd Darbi**  
CLO



**Mohamad Hisham Bin Mohamad Ghaus**  
Ketua Jabatan CP



**Jafrikhairi Bin Mhd Idris**  
Ketua Jabatan OP



**Ahmad Hakimi Bin Abd Hamid**  
Ketua Jabatan HRA



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-31



# LIABILITI KORPORAT

## JAWATANKUASA PENGURUSAN HARGA (“MPC”)



**Mohamed Fariz Bin Ghazali**  
CFO



**Abdul Rahman Bin Ishak**  
MD/CEO



**Dazrin Bin Mohd Darbi**  
CLO



**Mohamad Hisham Bin Mohamad Ghaus**  
Ketua Jabatan CP



**Muhammad Faiz Bin Zainuddin**  
Ketua Jabatan TL



**Mohd Nizam Bin Mohd Ishak**  
Ketua Jabatan RM

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## JAWATANKUASA PENGURUSAN PENILAIAN TENDER (“MTEC”)



**Mohamed Fariz Bin Ghazali**  
CFO



**Abdul Rahman Bin Ishak**  
MD/CEO



**Dazrin Bin Mohd Darbi**  
CLO



**Jafrikhairi Bin Mhd Idris**  
Ketua Jabatan OP



**Mohd Nizam Bin Mohd Ishak**  
Ketua Jabatan RM



**Muhammad Faiz Bin Zainuddin**  
Ketua Jabatan TL



**Mohamad Fadzil Bin Yahya** **Mohamad Hisham Bin Mohamad Ghaus**  
Ketua Jabatan QSHE



Ketua Jabatan CP



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-33



# LIABILITI KORPORAT

## JAWATANKUASA KECIL KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN (“SHESC”)



Nur Azimah Binti Hussin  
QSHE



Mohd Samsol bin Salleh  
QSHE



Mohamad Fadzil bin Yahya  
Ketua Jabatan QSHE



Zulkarnain bin Aliyas  
QSHE



Azhari bin Mohd Ishak  
OP Selatan



Azlina binti Ahmad Besar  
OP Selatan



Mohd Nizam bin MD Afandi  
OP Selatan



Azman bin Amir  
TL



Muhammad Naqib bin Effendi@Affandi  
TL



Fadzil bin Zakaria  
OP Utara



Mohd Izan bin Mohd Sapi'ee  
OP Utara



Nur Raihana binti Mohd Sakiman  
CP



Mohd Zamili bin Mohd Noor  
GI



Mohd Mirza bin Kamarudin  
CEOO



Muhammad Fadhil bin Kamaruddin  
IT



Nor Effy Aidil Adilla binti Baharudin  
RM



Azfar bin Mohd Ishak  
LG



Ahmad Zufar Fathurrahman bin Zainol Fikri  
HRA

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

KSSB/CC/05/2020-34



# LIABILITI KORPORAT

## JAWATANKUASA KECIL PENGURUSAN RISIKO ("RMWSC")



Fadzil bin Zakaria  
OP Utara



Mohd Izan bin Mohd Sapi'ee  
OP Utara



Abdul Rahman Bin Ishak  
MD/CEO



Salbarita binti Basiron  
FIN



Azhari bin Mohd Ishak  
OP Selatan



Azlina binti Ahmad Besar  
OP Selatan



Yusaini bin Sabian  
GI



Muhammad Azlanurhafiz bin Mohd Aris  
RM



Norkhairi bin Abdul Mohamed  
TL



Abdullah Hanif bin Ab Ghafib  
OP



Wan Nur Nadia binti Wan Azizi  
LG



Khairul Hisyam bin Abdul Halim  
CP



Noor Syakira binti Mohd Sobri  
CC



Mohd Izuddin bin Md Zain  
IT



Nur Azimah binti Hussin  
QSHE



Mohd Ansharullah bin Ismail  
HRA



KSSB/CC/05/2020-35



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## AKUJANJI KONTRAK

### PERAKUAN SETUJU TERIMA SURAT LANTIKAN / PERJANJIAN USAHASAMA

Saya/Kami yang bertandatangan seperti di bawah dengan ini bersetuju untuk bekerjasama dengan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ("KSSB") atas:

**PERJANJIAN USAHASAMA BAGI OPERASI PEMINDAHAN TIMBUNAN "STOCKPILE" PASIR TRANSIT DI ATAS TANAH KERAJAAN, HASIL DARI KERJA-KERJA ABC SDN BHD ("ASB") NEGERI SELANGOR, MENAIKTARAF SUNGAI KEDONDONG DARI CH01 SEHINGGA CH1150 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN, MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN**

Lokasi : Sungai Kedondong, Mukim Sungai Buloh  
Kontraktor : MNO Sdn Bhd

tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan.

**SAYA/KAMI DENGAN INI MEMBERI JAMINAN/AKUJANJI KEPADA KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. bahawa:**

1.

Saya/Kami akan beroperasi mengikut syarat-syarat yang dinyatakan pada kelulusan permit oleh Pentadbir Tanah Daerah dan kesemua syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Usahasama ini seperti di Lampiran 1;

2.

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami tidak sama sekali menjalankan apa-apa aktiviti yang melanggar apa-apa peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan oleh pihak berkuasa dan tidak akan sama sekali menjalankan apa-apa aktiviti yang akan yang melanggar apa-apa peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh Perjanjian Usahasama ini;

3. Saya/Kami akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan bahawa saya/kami dan/atau wakil/subsidiari/orang suruhan/ejen/pekerja/sub-kontraktor saya/kami yang bertanggungjawab menjalankan Operasi di bawah Perjanjian Usahasama ini untuk tidak sama sekali melakukan apa-apa perbuatan dan/atau perlakuan serta aktiviti-aktiviti yang boleh menjurus kepada korupsi dan/atau jenayah rasuah yang boleh disabitkan di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 (Akta A1567) dan/atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) serta pindaannya dari semasa ke semasa dan mana-mana undang-undang bertulis lain di Malaysia;
4. Sekiranya pihak KSSB mendapati bahawa saya/kami telah melanggar jaminan/akujanji yang telah diberikan ini, maka saya/kami bersetuju bahawa pihak KSSB boleh mengambil tindakan terhadap saya/kami termasuklah tetapi tidak terhad kepada, membatalkan Perjanjian Usahasama dengan serta merta; dan
5. Pihak KSSB berhak untuk mengambil/tidak memulangkan sebahagian atau kesemua dari Deposit Permit yang saya/kami berikan DAN kami tidak akan mengambil sebarang tindakan untuk menghalang pihak KSSB dari mengambil/memulangkan Deposit Permit tersebut.

Tandatangan :	
Nama :	
No. K/P :	
Tarikh :	

Cop Syarikat



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## KLAUSA ANTI KORUPSI

1. Kontraktor hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan Kontraktor dan/atau wakil/subsidiari/orang suruhan/ejen/pekerja/sub-kontraktor lantikan pihak Kontraktor yang bertanggungjawab menjalankan Operasi di bawah Perjanjian Usahasama ini untuk tidak sama sekali melakukan apa-apa perbuatan dan/atau perlakuan serta aktiviti-aktiviti yang boleh menjurus kepada korupsi dan/atau jenayah rasuah yang boleh disabitkan di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 (Akta A1567) dan/atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) serta pindaannya dari semasa ke semasa dan mana-mana undang-undang bertulis lain di Malaysia.

Tanpa prejudis kepada hak-hak dan kepentingan KSSB di bawah Perjanjian Usahasama ini, KSSB berhak untuk membatalkan dan/atau menamatkan Perjanjian Usahasama ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis segera sekiranya :-

- 1) KSSB mendapati dan/atau berpuas hati bahawa pihak Kontraktor dan/atau wakil/subsidiari/orang suruhan/ ejen/pekerja/sub-kontraktor lantikan pihak Kontraktor yang bertanggungjawab menjalankan Operasi di bawah Perjanjian Usahasama mencuba atau telah melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh menjurus kepada korupsi dan/atau jenayah rasuah yang boleh disabitkan di bawah undang-undang bertulis di Malaysia, tanpa sebarang liabiliti sama ada dari sudut kontraktual, tort dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang terpakai.
- 2) Kontraktor hendaklah bertanggungjawab dan menanggung rugi sepenuhnya ke atas sebarang tuntutan, permintaan, tindakan undang-undang, prosiding, kos, penalti, denda, perbelanjaan, gantirugi, kerugian dan melepaskan KSSB dari sebarang liabiliti yang berpunca dari ketidakpatuhan di bawah Klausu N1 ini.

Sekiranya Perjanjian Usahasama ini dibatalkan atau ditamatkan di bawah Klausu ini, Klausu O adalah terpakai.



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

# LIABILITI KORPORAT

## IKRAR ANTI KORUPSI

### PENGISYIHKARAN ANTI KORUPSI KAKITANGAN (KAKITANGAN TETAP/ KAKITANGAN KONTRAK/ KAKITANGAN SEMENTARA/ PEGAWAI LATIHAN)

- (1) Bahwasanya saya, \_\_\_\_\_ (No Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_) selaku Kakitangan tetap/ kontrak/ sementara/ pegawai latihan di Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 822993-H) ("KSSB") dengan sesungguhnya memberi Jaminan dan Akujanji bahawa:
- a. Saya akan melaksanakan tugas sebagai kakitangan KSSB dengan penuh integriti dan akan sentiasa menjaga dan melindungi kepentingan dan nama baik KSSB;
- b. Saya tidak akan sama sekali melakukan apa-apa perbuatan dan/atau perlakuan serta aktiviti-aktiviti yang boleh menjurus kepada korupsi dan/atau jenayah rasuah yang boleh disabitkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan apa-apa pindaan terhadapnya dari semasa ke semasa, serta mana-mana undang-undang berkaitan jenayah rasuah bertulis lain yang terpakai di Malaysia; dan
- c. Saya juga tidak akan melakukan apa-apa perbuatan dan/atau perlakuan serta aktiviti-aktiviti yang boleh membuka ruang kepada pihak KSSB untuk didakwa atau disabitkan dengan kesalahan jenayah rasuah oleh organisasi sosial di bawah Seksyen 17A Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2018.
- (2) Saya sesungguhnya faham sekiranya pihak KSSB mendapati bahawa saya telah melanggar Jaminan dan Akujanji yang telah diberikan ini, maka pihak KSSB berhak untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap saya termasuklah tetapi tidak terhad kepada perlucutan jawatan saya di KSSB secara serta merta tanpa sebarang liabiliti sama ada dari sudut kontraktual, tort dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang terpakai.
- (3) Saya juga berakujanji untuk bertanggungjawab dan menanggung rugi sepenuhnya KSSB dari sebarang tuntutan, permintaan, tindakan undang-undang,
- prosiding, kos, penalti, denda, perbelanjaan, gantirugi, kerugian dan melepaskan KSSB dari sebarang liabiliti kesan dari perlanggaran Jaminan dan Akujanji ini.
- (4) Tanpa prejudis kepada hak-hak dan remedii yang dimiliki KSSB, saya ambil maklum dan bersetuju bahawa bayaran gantirugi tidak akan menjadi remedii yang cukup bagi apa-apa perlanggaran terhadap mana-mana peruntukan di bawah Jaminan dan Akujanji ini dan KSSB berhak, tanpa bukti, ke atas sebarang gantirugi khas (*special damages*), injunksi (injunction), perlaksanaan spesifik (*specific performance*) dan mana-mana relif ekuiti untuk kemungkinan perlanggaran atau perlanggaran sebenar tanggungjawab saya seperti yang dinyatakan di sini.
- (5) Saya selanjutnya bersetuju bahawa kegagalan oleh KSSB untuk menggunakan hak, kuasa dan keistimewaan yang diperuntukkan di sini tidak akan menjadi suatu pengecualian/penepian dan sebarang penggunaan hak, kuasa atau keistimewaan secara tidak sepenuhnya tidak akan menjadi suatu pengecualian bagi KSSB untuk menggunakan hak, kuasa atau keistimewaan selanjutnya.
- (6) Undang-undang terpakai di bawah Jaminan dan Akujanji ini adalah undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia dan saya bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa mahkamah di Malaysia.

#### - BERINTEGRITI -

Terima kasih

---

Nama:  
No. Kad Pengenalan:  
Jawatan:  
No. Pekerja:  
Tarikh:



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.  
Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Telefon : +603-55187735  
Fax : +603-55187736  
Pertanyaan : [info@semesta.com.my](mailto:info@semesta.com.my)

[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)